

Mahathir sifatkan kutipan derma jihad Pas sebagai...

Tabung syarikat ganda wang anda

JITRA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Tabung Jihad yang ditubuhkan oleh Pas melalui kutipan derma daripada ahli-ahlinya, sama dengan syarikat ganda wang anda, yang menjanjikan keuntungan berlipat ganda kepada pelaburnya.

Tetapi, kata beliau, seperti juga syarikat ganda wang anda, pelabur-pelaburnya yang terpengaruh dengan janji-janji keuntungan yang bakal diperolehi akhirnya tertipu.

Katanya, begitu jugalah nasib penyokong-penyokong Pas yang menyumbangkan wang, malah barang-barang kemas untuk Tabung Ji-

had parti itu.

Kerana itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata tiada bezanya antara Tabung Jihad Pas dengan syarikat ganda wang anda kerana akhirnya pelabur kedua-duanya akan tertipu.

Bercakap kepada pekerja Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Kubang Pasu, di sini petang ini, beliau mahu mereka menerangkan hakikat sebenarnya mengenai perjuangan Pas kepada rakyat.

Katanya, BN menentang Pas kerana ia tidak jujur, dan suka menipu rakyat dengan pelbagai cara semata-mata untuk mencapai kepentingan politik.

Datuk Seri Dr Mahathir bertanya mengapa Pas mengutip derma daripada rakyat, sedangkan selama ini parti itu mendakwa mereka hidup dalam kemiskinan.

Katanya, apa yang sepatutnya Pas lakukan ialah bukan mengambil apa-apa daripada rakyat, sebaliknya membantu mereka.

Beliau juga hairan mengapa Pas enggan menjelaskan apa yang dibuat dengan wang Tabung Jihad itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Pas bukan sahaja menipu penyokong-penyokongnya, tetapi juga Majlis Perundingan Cina (CCC).

Sebelum itu, pemimpin Pas yang berunding dengan CCC menyatakan orang bukan Islam juga boleh memegang jawatan tinggi dalam kerajaan Pas, tetapi baru-baru ini, ketua pemudanya, Haji Mustapha pula berkata hanya orang Islam yang boleh menjawatnya.

Sebaliknya kata beliau, Umno tidak pernah bersikap tikam belakang ketika bekerjasama dengan parti-parti komponen BN.

Mengenai persiapan pekerja-pekerja pilihan raya BN di kawasan Kubang Pasu, beliau meminta mereka berusaha bersungguh-sungguh bagi menjamin kemenangan.